



Sikap suka membuang sampah sarap ke dalam sungai di sekitar bandar raya Johor Bahru semakin membimbangkan sekali gus menyebabkan pencemaran sumber air.

(Foto Nur Aisyah, Mazalan/BH)

50 tan sampah dikutip dari sungai setiap bulan

Pembuangan sisa pepejal dalam sistem saliran sekitar Johor Bahru boleh cetus bencana banjir

Oleh Mohamed Farid Noh
farid_noh@bh.com.my

Johor Bahru: Sampah sarap yang dibuang ke dalam sungai bandar raya ini semakin membimbangkan, sehingga pernah mencapai kutipan 80 tan sebulan.

Mendedahkan perkara itu, Datuk Bandar Johor Bahru, Datuk Mohd Noorazam Osman, berkata purata sampah yang dikutip agensi berkenaan di beberapa sungai utama, anak sungai serta saluran parit pinjam bandar raya ini pula adalah 50 tan pada setiap bulan.

Katanya, tahap kesedaran masyarakat yang masih tidak berubah kerana gemar membuang sampah sarap ke dalam sungai sebenarnya mampu menimbulkan bencana terutama banjir kilat.

“Isu sampah yang dibuang ke sungai-sungai di bandar raya ini membimbangkan kerana ia kekal konsisten banyak dan tiada pengurangan pun di sebalik pelbagai langkah pengutipan sampah dan aktiviti kesedaran awam yang dilakukan.

Sungai jadi tong sampah

“Masyarakat yang tidak bertanggungjawab ini gagal memahami bahawa sungai bukan sahaja men-



Mohd Noorazam (tiga dari kiri) menyaksikan majlis menandatangani MoU antara Nazatul Shima dan Timbalan Pengarah JPS Negeri Johor, Ir Nor Azmah Ahmad di Johor Bahru, semalam. (Foto ihsan MBBJ)

jadi kawasan tebatan banjir yang mengalirkan air hujan sekiranya hujan lebat berlaku malah adalah sumber air utama kita.

“Apa yang paling dikesali hampir kebanyakan sampah sarap yang dikutip adalah plastik sampah hitam yang siap diikat menandakan segelintir masyarakat menganggap sungai sebagai tong sampah mereka,” katanya pada sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Penuh Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) di Menara MBBJ, di sini, semalam.

Hadir sama, Ketua Whip Ahli Majlis MBBJ, Datuk Mohamad Dolmat dan Timbalan Setiausaha MBBJ, Nazatul Shima Mohamad. Terdahulu, Mohd Noorazam

menyaksikan majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara MBBJ bersama Jabatan Perairan dan Saliran (JPS) Johor.

Laksana kerja cegah banjir

Mengulas lanjut, Mohd Noorazam berkata, MoU itu bagi membolehkan pelaksanaan kerja-kerja pelengkap untuk pencegahan banjir di dalam kawasan MBBJ terutama bagi pembersihan sungai di bandar raya ini.

“Melalui MoU ini, MBBJ akan melaksanakan kerja pelengkap bagi pencegahan banjir seperti pembersihan kiambang di parit pinjam; pembersihan sampah sarap dan penggalian di parit pinjam, sungai, Selat Johor dan

kolam tadahan selain pembaikan tebing; penggantian dan pembaikan pagar keselamatan dan lain-lain mengikut keperluan dan keadaan semasa.

“Pelaksanaan kerja itu akan dilaksanakan di kawasan sungai, parit pinjam, Selat Johor dan kolam tadahan di bawah seliaan JPS Johor yang terletak di dalam kawasan pentadbiran MBBJ.

“Bagi sungai ia membabitkan Sungai Tebrau, Sungai Skudai, Sungai Plentong, Sungai Tiram, Sungai Danga dan Sungai Melayu, Parit Pinjam di Kampung Pasir, Kampung Sri Jaya dan Kampung Sri Serdang manakala Selat Johor pula membabitkan Pantai Lido, Pantai Stulang dan Pantai Senibong,” katanya.